Budiman Writers Association of Malaysia (BUDIMAN)
ISBN:2637-126X

Cabaran dalam Pengekalan Identiti Etnik dan Budaya Komuniti Peranakan Cina di Tanah Merah, Kelantan

Challenges in Preserving the Ethnic and Cultural Identity of the Peranakan Chinese Community in Tanah Merah, Kelantan

Mohd Syariefudin Abdullah
syariefudin@fsk.upsi.edu.my

Wan Norfazilah Wan Ibrahim
eeylaibrahim@gmail.com

Mohamad Basri Jamal
basri.jamal@fsk.upsi.edu.my

Muhammad Nadzir Ibrahim
nadzir@fsk.upsi.edu.my

*Khairulghufran Kaspin**
ghufran@fsk.upsi.edu.my

Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.

**Corresponding author*

Received: 08 September 2026; Published: 23 November 2026

Cite this article (APA) as:

Abdullah, M. S., Wan Ibrahim, W. N., Jamal, M. B., Ibrahim, M. N., & Kaspin, K. (2026). Cabaran dalam Pengekalan Identiti Etnik dan Budaya Komuniti Peranakan Cina di Tanah Merah, Kelantan. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 14(2), 51 - 63. Retrieved from https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/225

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis kesinambungan dan cabaran pengekalan identiti etnik serta budaya dalam kalangan komuniti Peranakan Cina di Tanah Merah, Kelantan. Komuniti ini mempunyai keunikan warisan sosiobudaya yang terbentuk melalui proses interaksi dan asimilasi dengan masyarakat tempatan sejak beberapa generasi. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, kajian ini meneroka pengalaman hidup, persepsi dan amalan generasi komuniti dalam mempertahankan identiti serta warisan budaya mereka. Data primer diperoleh melalui temu bual mendalam separa berstruktur dengan tiga orang informan utama yang merupakan pemimpin Persatuan Peranakan Cina Kelantan (PPCK) daripada generasi kelima, keenam dan ketujuh. Pengumpulan data turut disokong oleh pemerhatian di Galeri Peranakan Cina Kelantan. Analisis tematik menunjukkan bahawa identiti Peranakan Cina Kelantan masih dikekalkan melalui amalan pemakanan, khususnya penggunaan budu dan masakan tempatan, seni bina kediaman, pantang larang, dialek pertuturan serta aktiviti kebudayaan tradisional. Walau bagaimanapun, kesinambungan transmisi budaya antara generasi berhadapan dengan cabaran akibat migrasi golongan belia ke bandar metropolitan, pemodenan, perkahwinan campur serta perubahan orientasi pendidikan melalui Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan penguasaan bahasa Mandarin yang mempengaruhi penguasaan tulisan Jawi. Kajian ini menegaskan bahawa kelangsungan warisan Peranakan Cina Kelantan memerlukan kerjasama bersepadu antara komuniti, sokongan dasar kerajaan dan penglibatan institusi pendidikan. Pemeliharaan warisan ini bukan sahaja penting untuk mengekalkan identiti etnik, malah berpotensi

ISBN:2637-126X

memperkukuh pengiktirafan terhadap kepelbagaian budaya dan kesepaduan sosial dalam masyarakat majmuk Malaysia.
Kata kunci: Akulturasi, Budaya, Kesepaduan sosial, Peranakan Cina Kelantan, Pengekalan identiti.

ABSTRACT

This study examines the continuity and challenges of preserving ethnic and cultural identity among the Chinese Peranakan community in Tanah Merah, Kelantan. The community possesses a distinctive sociocultural heritage shaped by generations of interaction and assimilation with the local population. Employing a qualitative approach, this study explores the lived experiences, perceptions and cultural practices of different generations in sustaining their identity and cultural heritage. Primary data were collected through semi-structured in-depth interviews with three key informants, who are leaders of the Kelantan Chinese Peranakan Association (PPCK) representing the fifth, sixth and seventh generations. Data collection was further supported by observations at the Kelantan Chinese Peranakan Gallery. Thematic analysis reveals that Chinese Peranakan identity in Kelantan continues to be preserved through food practices, particularly the consumption of budu and local cuisine, residential architecture, traditional taboos, dialects and cultural activities. Nevertheless, intergenerational cultural transmission faces significant challenges arising from youth migration to metropolitan areas, modernisation, intermarriage and changing educational orientations through Chinese National-Type Schools (SJKC), alongside the growing dominance of Mandarin, which has affected proficiency in Jawi script. This study emphasises the need for integrated collaboration among the community, government policy stakeholders and educational institutions to ensure the continuity of Chinese Peranakan heritage. Preserving this heritage is essential not only for sustaining ethnic identity but also for recognising cultural diversity and strengthening social cohesion within Malaysia's multicultural society.
Keywords: Acculturation, Culture, Identity preservation, Kelantan Chinese Peranakan, Social cohesion

PENGENALAN

Pembentukan komuniti Peranakan Cina Kelantan (PCK) mencerminkan suatu proses interaksi dan asimilasi rentas budaya yang mempunyai akar sejarah sejak beberapa abad yang lalu di pesisir Semenanjung Tanah Melayu. Berbeza dengan pola migrasi masyarakat Cina secara besar-besaran yang berlaku pada era kolonial British, kemasukan awal masyarakat Cina ke Kelantan dipercayai berlangsung melalui laluan darat dari Kemboja, Siam (Thailand) dan Pattani sebelum memasuki lembangan Sungai Kelantan (Mohd Shahrul, 2014). Keadaan geografi yang strategik serta kesuburan tanah di sepanjang lembangan sungai tersebut telah menjadi antara faktor yang mendorong kelompok migran ini untuk menetap secara kekal dan menjalankan kegiatan ekonomi, khususnya dalam sektor pertanian sara diri. Penempatan yang berterusan ini kemudiannya membuka ruang kepada interaksi sosial, ekonomi dan kebudayaan dengan masyarakat peribumi, sekali gus membentuk suatu proses akulturasi yang menjadi asas kepada kemunculan identiti PCK yang tersendiri.

Penempatan secara berterusan dalam tempoh yang panjang telah mendorong komuniti PCK untuk menyesuaikan kehidupan mereka dengan persekitaran sosiogeografi masyarakat setempat. Menurut Zinitulniza (2016), pembentukan dan pengiktirafan identiti PCK tidak hanya berasaskan pertalian keturunan atau faktor perkahwinan campur, sebaliknya turut dicerminkan melalui penghayatan amalan sosial, adat resam dan pembudayaan kehidupan seharian yang memperlihatkan persamaan dengan masyarakat tempatan. Dalam konteks ini, kedudukan geografi Kelantan yang bersempadan dengan wilayah selatan Thailand, di samping pengaruh sejarah hubungan politik dengan kerajaan Siam, telah menyumbang kepada pembentukan suatu sintesis budaya yang unik. Sintesis tersebut terbentuk melalui interaksi dan penerapan unsur-unsur kebudayaan Cina, Melayu Kelantan dan Siam yang

ISBN:2637-126X

kemudiannya membentuk identiti sosiobudaya tersendiri dalam kalangan komuniti PCK (Tan et al., 2017).

Keunikan identiti PCK dapat ditelusuri melalui dua dimensi utama, iaitu dimensi luaran dan dimensi dalaman yang saling melengkapi dalam membentuk ciri sosiobudaya komuniti tersebut. Dari sudut luaran, pengaruh persekitaran masyarakat tempatan dapat dikenal pasti melalui sistem panggilan kekeluargaan, pemakaian harian, seni bina kediaman, amalan pemakanan tradisional serta penguasaan bahasa. Generasi terdahulu komuniti ini bukan sahaja fasih bertutur dalam dialek Melayu Kelantan dengan intonasi, lenggok dan sebutan yang menyerupai penutur jati tempatan, malah turut mempunyai keupayaan membaca dan menulis tulisan Jawi hasil pendedahan kepada sistem pendidikan aliran Melayu sebelum kemerdekaan (Mohamad Nazri et al., 2011). Penggunaan ungkapan seperti *alhamdulillah* dan *insya-Allah*, serta istilah seperti maghrib dan taubat dalam komunikasi harian turut memperlihatkan pengaruh persekitaran sosioagama masyarakat Kelantan yang sinonim dengan gelaran 'Serambi Mekah'. Sementara itu, dari dimensi dalaman, komuniti PCK masih mengekalkan kesinambungan adat resam, pantang larang tradisional dan pegangan agama Buddha sebagai sebahagian daripada warisan budaya yang diwarisi secara turun-temurun. Keadaan ini memperlihatkan bahawa proses asimilasi budaya dengan masyarakat tempatan tidak semestinya menghakis identiti asal komuniti tersebut, sebaliknya membentuk suatu identiti budaya yang bersifat hibrid dengan menggabungkan unsur kebudayaan Cina dan pengaruh tempatan.

Jajahan Tanah Merah merupakan antara pusat tumpuan penting bagi komuniti PCK, khususnya dengan kewujudan Persatuan Peranakan Cina Kelantan (PPCK) dan Galeri Peranakan Cina Kelantan yang terletak di Jalan Wan Ahmad. Bangunan galeri tersebut pada asalnya merupakan rumah kediaman keluarga Yeap Boon Yang yang berusia kira-kira satu abad dan masih mengekalkan ciri seni bina serta pertukangan tradisional Cina. Penubuhan galeri ini merupakan hasil inisiatif pemeliharaan warisan komuniti melalui kerjasama antara PPCK dengan Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), khususnya dalam usaha mendokumentasikan nilai sejarah, seni bina dan kehidupan sosiobudaya masyarakat PCK. Usaha ini memperlihatkan komitmen komuniti setempat dalam melindungi warisan fizikal daripada ancaman kemusnahan melalui pendekatan penyesuai gunaan semula bangunan tradisional (Daeng & Zuliskandar, 2021). Walau bagaimanapun, perkembangan pemodenan dan transformasi sosioekonomi semasa menimbulkan persoalan tentang keupayaan generasi pewaris untuk mengekalkan kesinambungan identiti etnik dan budaya komuniti tersebut (Mohd Shahrul, 2021). Sehubungan itu, makalah ini meneliti dinamika pengekalan identiti etnik dan budaya komuniti PCK di Tanah Merah, di samping menganalisis cabaran kontemporari yang mempengaruhi proses pewarisan warisan sosiobudaya antara generasi.

SOROTAN LITERATUR

Wacana pembentukan dan pengekalan identiti etnik lazimnya dianalisis menerusi perspektif teoretikal primordialisme yang menekankan kepentingan ikatan warisan dalam membentuk identifikasi etnik seseorang individu. Maryati dan Suryawati (2014) menjelaskan bahawa primordialisme merujuk kepada keterikatan seseorang individu terhadap unsur-unsur sosial yang diwarisi sejak lahir, termasuk keturunan, suku bangsa, kepercayaan, adat istiadat dan tempat kelahiran. Berdasarkan perspektif ini, identiti etnik turut dipengaruhi oleh keterikatan emosi terhadap kelompok asal serta kesedaran terhadap warisan keturunan dan kebudayaan yang dikongsi bersama. Ikatan tersebut seterusnya membentuk rasa kekitaan, kesetiaan dan komitmen individu terhadap warisan leluhur. Dalam konteks masyarakat Cina Peranakan Kelantan, aspek pewarisan identiti dan proses penyelarasan budaya dapat ditelusuri melalui hubungan antara identiti asal Cina dengan penerapan unsur kebudayaan masyarakat tempatan

ISBN:2637-126X

(Tan et al., 2017).

Dalam konteks pengekalan identiti masyarakat Peranakan Cina Kelantan (PCK) yang terbentuk melalui proses akulturasi, unsur primordial tidak semestinya mencetuskan pertentangan dengan identiti budaya yang diperoleh daripada masyarakat tempatan. Sebaliknya, kedua-dua unsur tersebut boleh wujud secara serentak dan saling melengkapi sekiranya warisan budaya terus diperturunkan kepada generasi seterusnya. Tan et al. (2017) menjelaskan bahawa identiti PCK terbentuk melalui gabungan identiti asal Cina dengan unsur budaya tempatan yang diterapkan menerusi proses akulturasi. Interaksi sosial dengan masyarakat Melayu dan Siam turut memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti hibrid tersebut. Walaupun intensiti interaksi sosial mungkin berubah mengikut perkembangan masa dan keadaan masyarakat, hubungan rentas etnik yang berterusan berpotensi menyokong kelangsungan identiti akulturasi. Namun demikian, identiti tersebut tetap berhadapan dengan risiko penghakisan apabila amalan tradisi semakin terpinggir akibat pemodenan, perubahan corak kehidupan dan transformasi struktur sosial masyarakat.

Kajian empirikal berkaitan komuniti PCK telah mendapat perhatian dalam kalangan sarjana yang meneliti aspek pembentukan identiti, akulturasi budaya, bahasa, tradisi dan hubungan etnik. Antaranya, Zinitulniza (2016) menerusi karya *Peranakan Cina Kelantan: Sintesis Cina Tanah Besar dan Melayu Tanah Melayu* membincangkan kehidupan komuniti PCK sebagai manifestasi pertembungan dan penyatuan unsur kebudayaan Cina dengan budaya Melayu tempatan. Kajian tersebut memperlihatkan bahawa pembentukan identiti masyarakat Peranakan Cina merupakan hasil interaksi budaya yang telah berlangsung sekian lama, sekali gus mencerminkan keupayaan masyarakat majmuk di Tanah Melayu menerima kepelbagaian budaya dalam proses pembentukan kebudayaan nasional. Sementara itu, Mohamad Nazri et al. (2011) meneliti penghayatan tradisi lisan Melayu dalam kalangan masyarakat Cina di Tumpat, Kota Bharu dan Pasir Mas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa proses penyerapan budaya Melayu dalam kehidupan masyarakat Peranakan Cina berlaku secara mendalam sehingga memperlihatkan penguasaan dan pengamalan unsur budaya Melayu yang begitu ketara. Walau bagaimanapun, penelitian tersebut lebih memberikan penekanan kepada aspek penghayatan tradisi lisan dan pemerhatian terhadap amalan budaya berbanding penelitian terhadap peranan kepimpinan komuniti formal dalam usaha mengekalkan identiti etnik dan budaya masyarakat berkenaan.

Selain aspek kebudayaan, dimensi bahasa dan sosiolinguistik turut menjadi perhatian dalam penyelidikan berkaitan masyarakat Peranakan Cina Kelantan. Mohd Roslan dan Haryati (2010), misalnya, membincangkan keunikan penggunaan bahasa dalam komuniti tersebut yang memperlihatkan gabungan pengaruh dialek Hokkien, Melayu Kelantan dan Thai Kelantan. Penelitian ini memberikan gambaran tentang proses penyesuaian linguistik yang terbentuk hasil interaksi masyarakat Peranakan Cina dengan persekitaran sosial dan budaya setempat. Namun demikian, penelitian berasaskan analisis kepustakaan tersebut masih belum memberikan gambaran empirikal yang mendalam tentang perubahan penggunaan bahasa serta persepsi generasi berbeza terhadap kepentingan bahasa dalam pengekalan identiti etnik. Dalam konteks yang lebih khusus, Mohd Shahrul (2014) telah meneliti pengekalan dan perubahan jati diri masyarakat Cina Peranakan di Kampung Pasir Parit, Pasir Mas melalui pendekatan kaedah campuran. Penyelidikan tersebut memperlihatkan bahawa pembentukan dan pengekalan jati diri masyarakat Peranakan Cina dipengaruhi oleh faktor persekitaran, interaksi sosial dan proses akulturasi. Hal ini menunjukkan bahawa identiti etnik masyarakat Peranakan Cina bukanlah sesuatu yang statik, sebaliknya sentiasa mengalami penyesuaian berdasarkan perubahan konteks sosial dan budaya semasa.

Dalam pada itu, Lee (2009) turut memberikan sumbangan penting melalui penelitian terhadap pembentukan identiti Cina Malaysia berdasarkan perspektif epistemologi *author-oriented* dan *actor-oriented*. Pendekatan tersebut memperlihatkan bahawa pemahaman terhadap identiti etnik perlu mengambil kira bukan sahaja tafsiran yang dikemukakan oleh

ISBN:2637-126X

pengkaji, tetapi juga pengalaman dan pemaknaan identiti oleh anggota masyarakat itu sendiri. Penelitian ini relevan dalam memahami bagaimana masyarakat Peranakan Cina mentafsir dan membentuk identiti mereka berdasarkan pengalaman kehidupan serta interaksi dengan kelompok etnik lain. Seterusnya, Tan et al. (2017) turut membincangkan proses penyesuaian budaya serta isu penghakisan identiti dalam kalangan masyarakat Peranakan Cina di Pasir Parit. Penelitian tersebut memperlihatkan bahawa proses akulturasi yang berlaku dalam tempoh yang panjang bukan sahaja menghasilkan identiti budaya yang bersifat hibrid, malah turut mewujudkan cabaran tertentu terhadap kesinambungan warisan budaya dan identiti etnik, khususnya apabila berhadapan dengan perubahan sosial serta perbezaan orientasi antara generasi.

Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu, dapat dirumuskan bahawa penyelidikan mengenai masyarakat Peranakan Cina Kelantan telah memberikan perhatian yang agak meluas terhadap aspek akulturasi, bahasa, tradisi lisan, pembentukan identiti dan penyesuaian budaya. Walau bagaimanapun, sebahagian besar penelitian empirikal tersebut lebih tertumpu di kawasan Pasir Mas, khususnya Kampung Pasir Parit, Tumpat dan Kota Bharu. Keadaan ini memperlihatkan masih terdapat ruang penyelidikan untuk meneliti komuniti Peranakan Cina di jajahan Tanah Merah, khususnya dari sudut peranan institusi dan kepimpinan komuniti dalam mendepani cabaran pengekalan identiti etnik dan budaya. Sehubungan itu, kajian ini berusaha mengisi kelompangan tersebut dengan memberikan tumpuan kepada perspektif pemimpin persatuan yang terlibat dalam institusi komuniti, termasuk PPCK dan Galeri Peranakan Cina Kelantan. Penelitian turut mengambil kira pengalaman serta pandangan pemimpin daripada kohort generasi yang berbeza bagi memahami bentuk cabaran, strategi pengekalan dan perubahan identiti masyarakat Peranakan Cina di Tanah Merah dalam konteks perkembangan sosial dan budaya kontemporari.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian yang bertujuan memperoleh pemahaman secara mendalam terhadap fenomena sosial, pengalaman hidup dan realiti masyarakat Peranakan Cina Kelantan (PCK), khususnya berkaitan cabaran pengekalan identiti etnik dan budaya dalam konteks kontemporari. Pendekatan ini dipilih kerana berupaya memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang pandangan, pengalaman serta interpretasi individu yang terlibat secara langsung dalam kehidupan dan pengurusan komuniti berkenaan. Bagi memastikan pengumpulan data yang komprehensif, kajian ini mengaplikasikan gabungan kaedah pengumpulan data primer dan sekunder yang melibatkan temu bual mendalam separa berstruktur, pemerhatian peserta dan analisis dokumen.

Temu bual mendalam separa berstruktur

Kaedah ini merupakan kaedah utama bagi pengumpulan data primer dengan melibatkan informan yang mempunyai pengetahuan, pengalaman dan penglibatan secara langsung dalam komuniti PCK. Pelaksanaan temu bual adalah berpandukan protokol soalan yang dibangunkan berdasarkan objektif kajian, namun struktur soalannya bersifat fleksibel bagi membolehkan pengkaji mengemukakan soalan susulan berdasarkan respons yang diberikan oleh informan. Pendekatan ini membolehkan pengkaji meneroka pandangan, pengalaman peribadi, persepsi serta cabaran yang dihadapi oleh pemimpin komuniti dalam usaha mengekalkan identiti etnik dan budaya masyarakat PCK.

ISBN:2637-126X

Pemerhatian peserta

Selain itu, kaedah pemerhatian peserta turut dilaksanakan di Galeri Peranakan Cina Kelantan yang terletak di Jalan Ahmad, Tanah Merah. Pemerhatian ini memberikan tumpuan kepada artifak sejarah, ciri-ciri seni bina kediaman tradisional serta bahan pameran yang memperlihatkan gabungan unsur kebudayaan Melayu, Cina dan Siam. Melalui pemerhatian tersebut, pengkaji dapat mengenal pasti manifestasi identiti budaya masyarakat PCK yang masih dipelihara serta meneliti sejauh mana warisan kebudayaan tersebut dipertahankan dalam persekitaran masyarakat masa kini.

Analisis dokumen

Di samping itu, analisis dokumen turut digunakan bagi memperoleh data sekunder yang dapat menyokong dan melengkapkan maklumat daripada temu bual serta pemerhatian lapangan. Bahan-bahan yang dirujuk merangkumi dokumen perlembagaan persatuan, teks monograf, artikel jurnal akademik berwasit, laporan arkib dan data perangkaan rasmi yang mempunyai kaitan dengan sejarah, perkembangan serta identiti masyarakat PCK. Penggunaan pelbagai sumber dokumentasi ini membolehkan pengkaji membuat perbandingan dan penilaian terhadap maklumat yang diperoleh daripada informan, sekali gus meningkatkan ketepatan serta kredibiliti dapatan kajian melalui proses triangulasi data.

Bagi memastikan kesahan instrumen kajian, protokol temu bual yang dibangunkan terlebih dahulu diteliti dari aspek kejelasan bahasa, struktur ayat dan kerelevanan kandungan dengan objektif penyelidikan. Penelitian ini penting bagi memastikan setiap soalan dapat difahami dengan jelas oleh informan serta mengelakkan berlakunya kekaburan atau perbezaan tafsiran terhadap perkara yang dikaji. Sementara itu, pemilihan informan dilaksanakan menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dengan memberikan tumpuan kepada tokoh masyarakat dan individu yang memegang jawatan utama dalam Persatuan Peranakan Cina Kelantan (PPCK). Pemilihan informan adalah berdasarkan beberapa pertimbangan, termasuk kedudukan dan autoriti kepimpinan, keluasan pengalaman dalam komuniti, perbezaan latar belakang generasi serta penglibatan mereka dalam mewakili dan menyuarakan kepentingan masyarakat PCK. Pemilihan ini bertujuan memastikan maklumat yang diperoleh mempunyai nilai empirikal yang tinggi serta mampu memberikan perspektif yang pelbagai tentang cabaran pengekalan identiti etnik dan budaya masyarakat Peranakan Cina di Tanah Merah. Profil dan latar belakang informan yang terlibat dalam penyelidikan ini diperincikan dalam Jadual 1:

Jadual 1 Profil demografi responden

Responden (Informan) Kajian	Umur (tahun)	Generasi dalam PCK	Jawatan dalam Persatuan PCK	Pekerjaan Hakiki	Tahap Pendidikan
Responden 1	44	Ke-7	Naib Pengerusi	Pensyarah (UMK, Jeli)	Ijazah Doktor Falsafah (PhD)
Responden 2	55	Ke-6	Ketua Biro Belia dan Kesihatan	Juruteknologi Makmal Perubatan	Diploma
Responden 3	65	Ke-5	Ketua Biro Galeri PCK	Pengawai Kesihatan (Pesara Kerajaan)	Diploma

ISBN:2637-126X

Kesemua informan yang terlibat dalam kajian ini beragama Buddha dan berkhidmat dalam sektor perkhidmatan awam. Pemilihan informan yang merangkumi generasi kelima hingga ketujuh dalam susur galur masyarakat PCK membolehkan kajian ini meneliti kesinambungan dan perubahan amalan warisan secara merentas generasi. Kepelbagaian latar belakang generasi tersebut turut memberikan ruang kepada pengkaji untuk membuat perbandingan secara diakronik terhadap perubahan nilai, amalan budaya dan penghayatan identiti etnik dalam kehidupan komuniti PCK. Pendekatan ini penting bagi memahami bagaimana proses pewarisan budaya, penyesuaian sosial dan perubahan persekitaran mempengaruhi usaha mengekalkan identiti etnik serta budaya masyarakat Peranakan Cina Kelantan dalam konteks kontemporari.

HASIL DAPATAN KAJIAN

Dapatan temu bual dan kerja lapangan dianalisis secara tematik dan dibahagikan kepada dua dimensi utama: (1) bentuk pengekalan amalan budaya harian, dan (2) cabaran struktural yang mengancam kelangsungan warisan PCK di Tanah Merah.

Bentuk pengekalan amalan budaya komuniti

Amalan budaya harian masyarakat PCK di Tanah Merah memperlihatkan proses penyesuaian dan integrasi budaya yang telah berlangsung secara berterusan hasil interaksi dengan persekitaran masyarakat setempat. Fenomena ini dapat diperhatikan melalui penerapan unsur kebudayaan Melayu dan Siam dalam kehidupan seharian yang kemudiannya disesuaikan dengan kerangka asas tradisi dan warisan budaya Cina. Proses akulturasi tersebut bukan sahaja membentuk identiti budaya yang bersifat hibrid, malah memperlihatkan keupayaan masyarakat PCK mengadaptasi pengaruh budaya persekitaran tanpa menghilangkan sepenuhnya warisan tradisi asal mereka. Keadaan ini menjadikan amalan budaya harian sebagai manifestasi penting kepada pembentukan identiti etnik PCK yang unik, khususnya dalam konteks hubungan sosial dan kepelbagaian budaya di Tanah Merah.

Aspek gelaran dan sistem panggilan

Tradisi mengekalkan nama marga keluarga sebelah bapa (patrilineal) tetap dipertahankan. Namun demikian, proses penyesuaian tempatan menyaksikan ejaan marga dipengaruhi sebutan Jawi dan dialek Kelantan, di samping penggunaan nama panggilan peribadi Melayu seperti "Awang" bagi anak lelaki dan "Mek" bagi anak perempuan. Informan 1 menjelaskan peralihan fungsi gelaran ini merentas generasi:

> "Kalau generasi saya dah kurang. Kalau generasi mak saya, nama mak saya Tan Mek. Tu nama dalam IC dia. Bapa sedara saya pula, dalam IC dia Teck Awang. Manakala sepupu saya pula, nama dia Teck Mek dalam IC... Zaman dulu bila didaftarkan, lelaki dia letak Awang, perempuan dia letak Mek... Kalau generasi muda yang saya tahu, ada lagi yang dipanggil Mek, Awang, Pak Chu semua tu, cuma bukan secara rasmi dalam IC. Nama rasmi ada nama proper, tapi panggilan gelaran tu masih ada."

Penggunaan nama panggilan Melayu pada dokumen rasmi (kad pengenalan) terbatas kepada generasi terdahulu, manakala bagi generasi keenam dan ketujuh, gelaran tersebut beralih fungsi menjadi nama panggilan intim dalam ruang domestik keluarga dan komuniti kampung. Sebagaimana ditambah oleh Informan 3:

Budiman Writers Association of Malaysia (BUDIMAN)
ISBN:2637-126X

> "Masa generasi saya ni ada lagi orang guna namo Awang, Mek gapo tu, generasi kemudian ni kei dop doh pasal dio nama-nama dio lebih canggih doh. Macey keluarga saya waris saya panggil saya Boon Teck, kalau ore kampung Melayu ni panggil Pok Teck."

Aspek pakaian harian

Pakaian harian PCK mencerminkan keselesaan dan asimilasi praktikal dengan budaya tempatan luar bandar. Kaum lelaki generasi tua lazimnya mengenakan kain pelekat bersama kemeja berlengan pendek dan kadangkala melilit semutar di kepala semasa menjalankan kerja harian. Bagi kaum wanita, kain sarung batik merupakan pakaian asasi di rumah mahupun ketika menghadiri kenduri keramaian, adakalanya lengkap berselendang. Namun, Informan 3 memperakui bahawa amalan bersemutar dan berkain pelekat kini mengalami regresi fungsional:

> "Kalau ayah saya, dio gunalah kain pelikat ko gano ko, kalau masa dulu nak pergi padang gapo ko dio pakai semutar atah kepala tu. Tapi peringkat saya ni takdop doh, kalau pakai pelikat ko kain sarung ko nak tidur lah malam, masih gunalah dalam rumoh."

Dapatan menunjukkan bahawa pemakaian kain batik sarung dan pelekat masih bertahan dalam kalangan generasi kelima dan keenam dalam ruang persendirian, tetapi terhakis dalam kalangan generasi muda akibat perubahan trend fesyen moden dan bukan atas faktor penolakan sengaja.

Aspek Aktiviti Masa Lapang dan Kesenian Tradisional

Komuniti PCK aktif memelihara dan menyertai seni persembahan rakyat Kelantan. Permainan tradisional seperti pertandingan burung candik, laga ayam, dan wau bulan menjadi wadah interaksi sosial. Selain itu, mereka terlibat secara langsung dalam persembahan kesenian tradisional Kelantan dan Selatan Thailand seperti wayang kulit, dikir barat, Mak Yong, Menora, dan main puteri bagi tujuan hiburan perayaan tokong mahupun rawatan tradisional. Informan 2 berkongsi pengalamannya:

"Kalau sebelum PKP, di kampung saya biasanya akan ada wayang kulit ataupun menora, tapi menora sudah kurang, wayang kulit masih ada... kita ada macam perayaan tokong kita akan adakan wayang kulit. Tapi semenjak akhir-akhir ni wayang kulit semakin kurang... Bagi saya, saya masih meminati menora ataupun wayang kulit. Dan satu lagi permainan tradisi wau bulan, saya rasa saya adalah salah seorang yang sangat meminati wau dan selalu bermain di waktu lapang."

Keterlibatan ini membuktikan bahawa seni warisan tempatan telah diinternalisasi sebagai sebahagian daripada jiwa budaya PCK, bukan sekadar tontonan luaran.

Aspek Kepercayaan dan Pantang Larang

Interaksi rapat dengan masyarakat Melayu membolehkan PCK mengintegrasikan pelbagai pantang larang Melayu lama ke dalam tatatertib kehidupan mereka, khususnya amalan penjagaan ibu hamil dan berpantang selepas bersalin, serta pantang larang waktu peralihan siang dan malam. Informan 1 menyatakan:

ISBN:2637-126X

> "Ya, masih ada lagi. Contohlah kalau pukul 7 malam bila azan maghrib tu, kalau nak start kereta tu, biasalah orang tua cakap tunggu kejap, tunggu dulu... Banyak lagi sebenarnya pantang larang."

Kepatuhan terhadap larangan waktu senja/maghrib ini menggambarkan betapa nilai-nilai sensitiviti tempatan dipatuhi secara turun-temurun sebagai instrumen kawalan sosial dan nasihat orang tua.

Aspek Makanan Harian

Amalan pemakanan merupakan kubu pengekalan identiti PCK yang paling kukuh. Setelah lebih 300 tahun berasimilasi, diet harian mereka didominasi oleh masakan Melayu Kelantan berbanding masakan Cina mahupun Siam. Menu kegemaran harian merangkumi singgang ikan, sayur gulai lemak, petai jeruk, tempoyak, ulam-ulaman, dan pencicah budu. Informan 2 menegaskan kemestian budu dalam hidangan keluarga:

> "Budu memang wajib dalam setiap hidangan di rumah, biasanya malam lah sebab kita bekerja kita akan makan di luar kan... Boleh dikatakan setiap malam memang ada budu, ulam-ulaman. Ulam-ulaman tu memang kita akan pelbagaikan, musim jering jering lah, musim petai petai lah, dan pucuk pegaga, pucuk peko memang ado di sekeliling rumoh kito akan tanam, pucuk keterey."

Keterikatan mendalam terhadap budu memperlihatkan adaptasi gastronomi yang mutlak, di mana ketiadaan bahan pencicah tempatan ini dianggap menjejaskan selera makan mereka.

Aspek Seni Bina Kediaman

Seni bina rumah kediaman PCK menampilkan tipologi unik hasil cantuman elemen Melayu, Cina, dan Siam. Dibina dengan kemahiran tukang kayu Melayu tradisional, struktur rumah lazimnya bertiang kayu dan berbumbung limas. Ciri yang paling menonjol ialah reka bentuk bilik altar sembahyang yang ditempatkan di ruang tengah rumah dalam keadaan tertutup dengan pintu khas. Reka bentuk ini diwujudkan secara sengaja bagi menghormati sensitiviti tetamu Melayu yang berkunjung semasa musim perayaan agar mereka berasa selesa tanpa melihat patung keagamaan secara terbuka. Informan 3 menghuraikan keunikan rumah pusakanya:

> "Rumoh tradisional saya ni gabungan antara tiga seni bina lah, macam Siam, Cina dengan Melayu... Kalau tengok dari jauh tu supo rumoh ore Melayu. Dulu pakai kayu dapur api, loni panggil gas lah moden doh... Zaman budok loni mano reti nak buat gapo dengan kayu api."

Walau bagaimanapun, kepupusan tukang kayu mahir dan ancaman anai-anai terhadap struktur kayu memaksa kebanyakan pemilik melakukan pengubahsuaian menggunakan bahan konkrit moden.

Aspek Bahasa dan Kemahiran Tulisan Jawi

Bahasa pertuturan dalaman PCK ialah dialek Hokkien Peranakan yang nahu dan perbendaharaan katanya telah bercampur baur dengan dialek Melayu Kelantan dan Thai. Walau bagaimanapun, dialek Hokkien ini terhad kepada domain intra-komuniti. Dalam

ISBN:2637-126X

interaksi sosial harian, mereka bertutur dalam dialek Melayu Kelantan standard tempatan dengan penuh kelancaran dan rasa bangga. Informan 2 menyatakan:

> "Dalam keluarga... biasa kita akan kecek Kelate, kalau bahasa Kelantan Hokkien gak kadang-kadang ada campur Siam campur Melayu... Di sekitar saya kito tok rajin kecek Mandarin ko, Kantonis ko... Kalu dengan saing-saing sayo tu, kalau Peranakan ni kito kecek Cino Kelate... Tapi bila dok Kelate gak kito keno agah sikit lah, kito kecek bahaso kito jah, dengan sesiapo pun ambo tak kiro, tok pehe demo keno belajar."

Sebaliknya, aspek kemahiran tulisan Jawi mencatatkan jurang perbezaan generasi yang paling ketara. Generasi terdahulu mahir membaca dan menulis Jawi kerana menerima pendidikan di sekolah aliran Melayu pra-merdeka, namun kemahiran ini terputus pada generasi muda. Informan 3 mengakui:

> "Kalau tulisan Jawi ni ayoh dan datuk sayolah pandai baco pandai tulis. Sayo tak reti pasal dulu saya tak belajar."

Perubahan kurikulum pendidikan kebangsaan pasca-merdeka yang tidak lagi mewajibkan tulisan Jawi bagi murid bukan Melayu menjadi faktor pendorong utama kepupusan kemahiran ini dalam kalangan generasi baharu PCK.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Analisis terhadap dapatan kajian menunjukkan bahawa pengekalan identiti masyarakat PCK di Tanah Merah sedang berhadapan dengan fasa peralihan yang kritikal, khususnya dalam mendepani perubahan sosial dan budaya antara generasi. Walaupun beberapa elemen identiti budaya masih dapat dikekalkan dalam kehidupan seharian, seperti amalan pemakanan yang mengadaptasi penggunaan budu serta keupayaan bertutur dalam dialek Kelantan, namun terdapat petunjuk penghakisan terhadap beberapa dimensi warisan yang bersifat lebih formal. Fenomena perubahan dan rundingan identiti ini turut memperlihatkan bahawa pembentukan identiti masyarakat Peranakan Cina sentiasa dipengaruhi oleh interaksi sosial dan perubahan persekitaran budaya (Tan et al., 2018). Selain itu, penggunaan bahasa sebagai salah satu penanda identiti kelompok turut memperlihatkan kepentingan kesinambungan amalan linguistik dalam mengekalkan jati diri komuniti (Pue et al., 2019).

Perubahan ini memperlihatkan bahawa kesinambungan identiti PCK tidak berlaku secara seragam, sebaliknya memperlihatkan perbezaan tahap pengekalan antara amalan budaya harian dengan unsur warisan yang memerlukan pewarisan secara lebih sistematik. Cabaran terhadap kesinambungan warisan budaya tidak ketara dalam kalangan masyarakat Peranakan Cina Kelantan turut dibincangkan oleh Eyo et al. (2021), khususnya dalam konteks perubahan sosial dan ancaman terhadap amalan tradisi. Sehubungan itu, usaha memelihara kelangsungan warisan budaya PCK memerlukan pendekatan yang lebih menyeluruh melalui penglibatan institusi komuniti, kepimpinan persatuan dan generasi muda. Berdasarkan sintesis terhadap cabaran yang dikenal pasti, beberapa cadangan strategik yang bersifat bersepadu dikemukakan bagi memperkukuh usaha pendokumentasian, pemeliharaan dan pewarisan identiti etnik serta budaya masyarakat PCK, sebagaimana yang dirumuskan dalam Jadual 2:

ISBN:2637-126X

Jadual 2 matriks cabaran dan cadangan solusi pengekalan identiti PCK

Dimensi Cabaran	Punca & Implikasi Sosiobudaya	Cadangan Solusi	Agensi Bertanggungjawab
Kekurangan Literasi Sejarah Komuniti	Keberadaan PCK kurang dikenali di peringkat nasional berbanding Baba Nyonya Melaka.	Mengintegrasikan modul warisan PCK ke dalam sukatan mata pelajaran Sejarah dan Pendidikan Sivik sekolah rendah/menengah.	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) & Institusi Pendidikan
Peralihan Generasi dan Hakisan Minat Belia	Belia berhijrah ke bandar dan terpisah daripada amalan tradisi kampung.	Menganjurkan kem jati diri, bengkel kesenian (wau, wayang kulit), dan pemerkasaan pendidikan warisan keluarga.	Persatuan Peranakan Cina Kelantan (PPCK) & Komuniti
Keterbatasan Promosi & Dana Pemuliharaan	Galeri PCK berdepan kekangan kewangan bagi penyelenggaraan rumah warisan 100 tahun.	Memberikan pengiktirafan rasmi warisan kebangsaan, geran pemeliharaan fasad bangunan, dan promosi pelancongan budaya digital.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) & Kerajaan Negeri
Stereotaip Negatif & Dominasi Arus Perdana	Persepsi rendah diri terhadap status "Cina kampung" berbanding Cina bandar.	Menerbitkan dokumentari, telemovie, dan filem cereka yang mengangkat nilai keharmonian dan jati diri PCK.	FINAS, Penerbit Media Tempatan & Stesen Penyiaran

Usaha memperkukuh kelangsungan identiti dan warisan masyarakat Peranakan Cina Kelantan (PCK) memerlukan pendekatan yang lebih menyeluruh melalui penglibatan sektor pendidikan, sokongan institusi kerajaan dan pemanfaatan industri kreatif. Dari perspektif pendidikan, pengarusperdanaan naratif sejarah dan kebudayaan PCK dalam kurikulum pendidikan formal berpotensi meningkatkan kesedaran generasi muda terhadap kewujudan serta keunikan komuniti ini sebagai salah satu manifestasi kejayaan integrasi budaya antara etnik tanpa mengorbankan pegangan agama asal. Pendekatan ini bukan sahaja dapat memperluas pengetahuan tentang kepelbagaian warisan masyarakat Malaysia, malah turut memupuk penghargaan terhadap proses akulturasi dan pembentukan identiti budaya yang bersifat hibrid. Selain itu, pengiktirafan yang lebih berstruktur daripada pihak kerajaan melalui penyediaan dana pemuliharaan warisan fizikal, khususnya fasad bangunan tradisional, serta pelaksanaan pendokumentasian digital terhadap koleksi dan bahan sejarah di Galeri Peranakan Cina Kelantan, Tanah Merah, dapat memperkukuh usaha pemeliharaan warisan komuniti tersebut (Daeng & Zuliskandar, 2021). Inisiatif ini juga berpotensi meningkatkan nilai warisan setempat sebagai produk pelancongan budaya dan sejarah negara (Rachel, 2019 & Nurul & Muhammad Ali, 2025).

Seterusnya, pemanfaatan industri kreatif melalui penerbitan filem dokumentari, bahan audiovisual dan kandungan digital berkaitan sejarah serta kehidupan masyarakat PCK mampu memperluas penyebaran pengetahuan kepada khalayak yang lebih besar. Pendedahan sedemikian bukan sahaja dapat mengatasi stereotaip dan salah tanggapan terhadap komuniti Peranakan Cina, malah berupaya menyemai rasa bangga dalam kalangan generasi muda terhadap warisan leluhur mereka. Secara keseluruhannya, gabungan ketiga-tiga pendekatan

ISBN:2637-126X

ini berpotensi membentuk strategi pemeliharaan warisan yang lebih mampan, sekali gus memastikan identiti dan keunikan budaya masyarakat PCK terus dipertahankan sebagai sebahagian daripada khazanah kepelbagaian budaya Malaysia.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, penyelidikan ini merumuskan bahawa komuniti Peranakan Cina di Tanah Merah, Kelantan telah memperlihatkan keupayaan mengekalkan asas identiti etnik dan budaya mereka melalui proses akulturasi yang harmoni dan telah berlangsung sejak lebih tiga abad. Proses interaksi dan penyesuaian budaya dengan masyarakat Melayu dan Siam telah membentuk suatu identiti budaya yang unik tanpa menghilangkan sepenuhnya warisan tradisi asal masyarakat Cina. Keadaan ini dapat diperhatikan melalui amalan kehidupan harian yang merangkumi aspek gastronomi, penggunaan dialek pertuturan serta penyesuaian terhadap sensitiviti budaya dan seni bina ruang keagamaan. Fenomena tersebut memperlihatkan bahawa perbezaan latar belakang etnik dan agama tidak semestinya menjadi penghalang kepada pembentukan hubungan sosial yang harmoni, sebaliknya berupaya menjadi asas kepada perkembangan integrasi dan persefahaman antara masyarakat.

Walau bagaimanapun, kelangsungan identiti dan warisan budaya masyarakat Peranakan Cina Kelantan (PCK) kini berhadapan dengan pelbagai cabaran, khususnya akibat pemodenan, perubahan sistem pendidikan, mobiliti sosial dan migrasi generasi muda. Perubahan tersebut memberikan kesan terhadap kesinambungan beberapa elemen warisan tradisional, termasuk kemahiran penggunaan tulisan Jawi dan sistem gelaran rasmi yang pernah menjadi sebahagian daripada identiti komuniti. Meskipun demikian, kesedaran untuk mempertahankan warisan budaya masih wujud dalam kalangan masyarakat, khususnya melalui usaha kepimpinan Persatuan Peranakan Cina Kelantan (PPCK) dalam memelihara identiti dan kesinambungan tradisi komuniti. Sehubungan itu, masyarakat PCK wajar dilihat bukan sekadar sebagai sebuah kelompok minoriti etnik, tetapi juga sebagai manifestasi sejarah interaksi, penyesuaian dan integrasi budaya dalam masyarakat majmuk Malaysia. Kelangsungan warisan unik ini memerlukan komitmen berterusan daripada komuniti setempat, institusi pendidikan, pihak kerajaan dan masyarakat umum melalui usaha pendokumentasian, pemuliharaan serta pewarisan budaya kepada generasi seterusnya. Akhirnya, pemeliharaan warisan masyarakat Peranakan Cina Kelantan bukan sahaja penting bagi memastikan kesinambungan identiti etnik mereka, malah turut menyumbang kepada pengukuhan kepelbagaian budaya, perpaduan dan kesepaduan sosial dalam pembinaan masyarakat Malaysia yang inklusif merentas generasi.

RUJUKAN

Daeng Haliza Daeng Jamal & Zuliskandar Ramli. (2021). Pemuliharaan beberapa bangunan bersejarah di Kelantan: Tinjauan ke atas penglibatan komuniti setempat dalam suai guna semula. *Geografia, 17*(2), 461–474. https://doi.org/10.17576/geo-2021-1702-35

Eyo Leng Yan, Rosdeen Suboh & Pue Giok Hun. (2021). Warisan Budaya tidak Ketara Komuniti Cina Peranakan Kelantan: Kajian kes Upacara Koi Hoi di Kampung Parit Pasir. *MJSSH, 6* (8), 28-44. https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i8.892

Lee Yok Fee. (2009). Kajian tentang Identiti Orang Cina di Malaysia dari segi Epistemologi: Ulasan. *Jurnal Sari, 27,* 167-183.

Maryati, K. & Suryawati, J. (2014). *Sosiologi: Kelompok Perminatan Ilmi-Ilmu Sosial.* Erlangga.

Mohamad Nazri, Hanapi Dollah & Teo Kok Seong. (2011). Penghayatan Tradisi Lisan Melayu Dalam Kalangan Masyarakat Cina Kelantan. *Jurnal Melayu, 8*(1), 111-132. https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/5024

ISBN:2637-126X

Mohd Roslan Mohd Nor & Haryati Hassan. (2010). Kebolehan Bahasa Masyarakat Cina Peranakan Kelantan. *Jurnal Usuluddin, 31,* 115-133. https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol31.7

Mohd Shahrul Imran Lim Abdullah. (2014). Jati Diri Kaum Dan Perpaduan Negara: Kajian Kes Cina Peranakan Kelantan Di Malaysia. *Jurnal Kajian Malaysia*, *32*(1), 119–148. http://www.myjurnal.my/public/article-view.php?id=78469

Mohd Shahrul Imran Lim Abdullah. (2021). Identiti etnik minoriti Cina Peranakan Kelantan sebagai identiti masyarakat multietnik Malaysia [Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nurul Najwa Muhamad Najib & Muhammad Ali A. Rahman. (2025). Community Willingness and Readiness for Cultural Heritage Tourism: the Case of Kampung Chitty, Malacca Historic City, Malaysia. *Journal of Contemporary Tourism & Hospitality, 1* (1), 268-293. https://doi.org/10.31436/jocth.v1i1.23

Pue Giok Hun, Ong Puay Liu & Loo Hong Chuang. (2019). Kelantan Peranakan Chinese Language and Marker of Group Identity. *Gema - Journal of Language Studies, 19* (2), 33-51. http://doi.org/10.17576/gema-2019-1902-03

Rachel Chan Suet Kay. (2019). In With the Old: Community Participation in Heritage Management in selected Malaysian Tourist Site. *JATI – Journal of Southeast Asian Studies, 24* (2), 131-154. https://doi.org/10.22452/jati.vol24no2.8

Tan Yao Sua, Kamarudin Ngah & Sezali Md Darit. (2017). *Cina Peranakan Kampung Pasir Parit Kelantan: Pengekalan dan Penyelarasan Identiti*. SIRD.

Tan Yao Sua, Kamarudin Ngah & Sezali Md Darit. (2018). Formation and Negotiation of Identity: the Case of the Kelantan Kampung Pasir Parit Peranakan Chinese. *Asian Ethnicity, 19* (1), 16-35. https://doi.org/10.1080/14631369.2017.1310614

Zinitulniza Abdul Kadir. (2016). *Peranakan Cina Kelantan: Sintesis Cina Tanah Besar dan Melayu Tanah Melayu*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.